BERITA HARIAN, ISNIN, 17 MEI, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# Arigato Gozaimas dari Mahathir

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memang kuat memandang ke arah Jepun.

Perdana Menteri ketika mengucapkan selamat jalan kepada para pemberita dengan tersenyum berkata 'Arigato Gozaimas' selepas sidang akhbar mengenai mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO petang semalam.

Beliau dengan senyum memberitahu para pemberita yang mengkagumi perbuatannya itu berkata, "Saya sedang belajar sekarang" dan terus pergi makan tengah hari.